

19/04/1999

Ada pihak cuba peralat Islam: PM

Badrila Jamlus; Wan Hazmir Bakar; Sariha Mohd Ali
KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya cubaan menghidupkan semula kumpulan al-Arqam yang diharamkan sejak Ogos 1994, dibuat bukan atas kepentingan agama, tetapi untuk kepentingan pihak tertentu.

Menurut Perdana Menteri, mereka ingin menjadi pemimpin dengan memeralatkan Islam secara tidak betul.

"Penyesatan ini memang berlaku kerana ada orang yang mencari kepentingan mereka, bukannya kepentingan agama," katanya ketika diminta mengulas laporan mengenai pergerakan semula kumpulan itu sejak tiga bulan lalu.

Perkara itu didedahkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, semalam.

Menurut Dr Abdul Hamid, kumpulan berkenaan kini beralih dari pusat kegiatan asal mereka di Sungai Penchala ke satu tempat lain di sini. Percubaan itu juga dikatakan turut membabitkan bekas ketua kumpulan berkenaan, Asaari Muhammad.

Pada 20 Oktober, 1994, Asaari Mohamad, secara terbuka mengaku menyelewengkan ajaran Islam melalui Aurad Muhammadiyah dan menyatakan beliau bertaubat.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau akan mendapatkan laporan lanjut mengenai cubaan bekas pengikut al-Arqam untuk menghidupkan semula kumpulan itu.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kumpulan berkenaan sudah diharamkan dan tidak boleh dihidupkan semula oleh mana-mana pihak.

"Al-Arqam tidak boleh diwujudkan semula oleh mana-mana golongan yang dahulu menganggotainya," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kepala Batas.

DI PEKAN, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kementerian mengarahkan pengurusan semua universiti di negara ini mengawasi pelajar bagi mengelak golongan itu diperalatkan bagi menghidupkan semula al-Arqam.

Menurutnya, tindakan membanteras pengembangan kegiatan kumpulan al-Arqam bukan sahaja perlu dilakukan pihak universiti tetapi turut membabitkan kerjasama Jabatan Agama Islam.

Beliau berkata, pelajar yang dikesan terbabit mengikuti ajaran kumpulan itu akan diminta menghadiri proses membetulkan kefahaman dan akidah mereka supaya menepati kehendak sebenar agama Islam.

"Sebenarnya, semua pusat pengajian tinggi menerusi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, sentiasa mengawasi perkembangan ajaran sesat termasuk al-Arqam tetapi pengawasan lebih ketat akan dilakukan selepas kerajaan mengesan kumpulan al-Arqam cuba dihidupkan semula sejak tiga bulan lalu.

"Tindakan yang dikenakan terhadap pelajar yang terbabit dalam ajaran seumpama itu menggunakan pendekatan lain kerana ia membabitkan soal akidah," katanya selepas melancarkan majlis Khidmat Masyarakat anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PMUTM).

Sementara itu, Najib berkata, tindakan memindahkan tiga guru di Kelang berikutan mereka terbabit dalam pengedaran borang parti pembangkang, adalah wajar kerana tindakan mereka bertentangan dengan peraturan ditetapkan kerajaan.

"Kita sudah memberi amaran keras dan guru berkenaan juga tahu bahawa kerja itu bukan tanggungjawab mereka.

"Kegiatan mengedarkan borang parti pembangkang memang menyalahi